



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



TEKS UCAPAN
YBRS. TUAN NORIZAM BIN SEKAK
PENGARAH POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

UCAPAN ALU-ALUAN
PERKAYA INOVASI KALI KE-29 &
HARI BUMI JPPKK 2026

TARIKH:
22 APRIL 2026 (RABU)

TEMPAT:
DEWAN PLATINUM
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

BISMILLAHIRRAHMAANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM

WARAHMATULLAHI

WABARAKATUH,

SALUTASI

**(Disediakan secara berasingan oleh Jawatan Kuasa
Jemputan dan Protokol)**

Barisan Tetamu Kehormat,

Rakan-Rakan Strategik,

Para Pegawai,

Barisan Pensyarah,

Seterusnya Para Pelajar Yang Saya Kasihi Sekalian.

PEMBUKA BICARA

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam ***Majlis Perasmian Perkaya Inovasi kali ke-29 dan sekaligus Perasmian Peluncuran Hari Bumi di Peringkat JPPKK bagi Tahun 2026*** oleh Ketua Pengarah JPPKK pada hari yang penuh bermakna ini.

Terlebih dulu ingin saya nyatakan bahawa PMM hanya bercadang menganjurkan Perasmian Penutup PERKAYA Inovasi PMM kali ke-29 disamping bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka (JBS) yang dijadualkan pada hari ini. Namun kami mendapat Hasrat Bahagian Kurikulum untuk bersekali dalam majlis peluncuran Hari Bumi JPPKK. Kami di PMM menyambut baik sambutan hasrat ini dan cuba mengadakan Majlis Perkaya dengan peluncuran ini agar semua objektif yang disasarkan berjaya dicapai dalam satu majlis yang digabungkan.

Untuk makluman Tuan Haji dan pengarah-pengarah sekalian, Ingin saya kongsi bahawa sebelah pagi tadi telah melaksanakan satu program Rakan Bumi Peringkat

Negeri Melaka oleh Jabatan Belia dan Sukan Melaka yang telah dirasmikan oleh **YB Datuk Mohd Noor Helmy Bin Abdul Halem**, Timbalan EXCO..... . Program ini merupakan kolaborasi antara PMM dan Jabatan Belia Sukan Melaka serta persatuan belia-belia Melaka untuk menjayakan program **Rakan Bumi** peringkat negeri Bermula dengan Forum “MEMBINA EKOSISTEM BELIA LESTARI” yang menampilkan saya sendiri sebagai panel forum bersama Perbadanan Teknologi Hijau Melaka serta Persatuan Belia Melaka. Diikuti nanti pada hari Sabtu 25 April 2026 dengan Program Rejuvenasi Ekosistem Bakau di Hutan Simpan Paya Laut Sebatu Melaka.

Tuan Puan para hadirin sekalian.

Kebetulan bermula Mac lalu hingga kini sedang berlaku Audit Tenaga yang menggunakan **GERAN AUDIT TENAGA BERSYARAT** daripada **Sustainability Energy Development Authority (SEDA)** sejumlah RM60 ribu yang kini sedang diaudit diseluruh PMM. InsyaAllah hasil audit nanti bakal memberikan pandangan dan cadangan bagaimanakah PMM boleh menjimatkan penggunaan tenaga untuk pelan jangka pendek, sederhana dan panjang. Terima kasih kepada rakan kolaborasi Syarikat Lotus West beribu pejabat di Meru Klang yang telah membantu program ini. Saya juga ingin

menyatakan inilah geran SEDA yang pertama diperolehi oleh institusi TVET dan jika ianya berjaya akan memberikan impak positif kepada kelestarian bumi oleh sebuah institusi pendidikan TVET negara.

Selain itu terdapat lagi 11 inisiatif sepanjang April hingga September 2026 yang telah dijadualkan sehingga kemuncaknya adalah Majlis Anugerah Sustainability Award 2026 anjuran bahagian Kurikulum JPPKK bersama PMM yang juga bakal dilaksanakan di sebuah hotel di Melaka.

Menyemarakkan lagi Sambutan Hari Bumi PMM menganjurkan program **PERKAYA Inovasi kali ke-29 direalisasikan**. Ini bertujuan menyediakan satu platform yang menyeluruh kepada para pelajar untuk membentangkan hasil inovasi mereka, sama ada melalui pembentangan lisan mahupun pameran produk. Inisiatif ini juga menjadi medan untuk para pelajar mendemonstrasikan kemahiran dalam menghasilkan inovasi yang bernilai dan berpotensi untuk dikomersialkan.

Program ini turut menyokong pencapaian Programme Learning Outcomes (PLO) yang merangkumi aspek komunikasi, keusahawanan, kepimpinan serta semangat kerjasama berpasukan, selaras dengan keperluan

pendidikan TVET masa kini. Terima kasih Dr Shahiza Binti Ahmad Zainuddin, Pengarah PPI yang menyokong penuh PERKAYA PMM ke-29.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Dalam PERKAYA Inovasi PMM ke -29 ini juga diperkenalkan sistem **GreenDNA**, iaitu satu sistem penilaian inovasi kelestarian yang komprehensif. Melalui sistem ini, setiap inovasi akan dinilai berdasarkan empat kluster utama iaitu **Green Impact** yang memberi fokus kepada impak terhadap alam sekitar, **Waste Reduction** yang menilai keupayaan mengurangkan sisa pepejal, **Energy Efficiency** yang menitikberatkan kecekapan penggunaan tenaga, serta **Social Sustainability** yang melihat impak kepada masyarakat dan komuniti. Setiap penyertaan akan menggunakan GreenDNA system ini dan sekaligus produk inovasi ini diberikan klasifikasi green masing-masing mengikut kluster yang telah saya sebutkan. Ini satu inovasi system green yang berjaya dihasilkan oleh UPIK dan pasukan penyelidik JK Green sebagai satu langkah ke hadapan dalam menyokong kelestarian Hari Bumi.

Pendekatan ini diyakini mampu melahirkan inovasi yang bukan sahaja kreatif dan berdaya saing, malah

bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan kesejahteraan sosial. Inilah usaha berterusan yang PMM telah rancang agar elemen Inovasi dan Penyelidikan akan menjadi salah satu elemen yang perlu difokuskan kepada kelestarian alam sekitar.

Oleh yang demikian apabila bercakap soal kelestarian ekosistem, selari dengan *way-forward* institusi ke arah *eco-innovation*, suka saya nyatakan bahawa **pada tahun 2027, bersempena dengan penganjuran siri yang ke-30, program inovasi ini akan dijenamakan semula secara rasmi sebagai PERKAYA LESTARI.** Penjenamaan ini adalah bukti komitmen berterusan kita untuk menjadikan inovasi hijau sebagai teras pembangunan di PMM sekali gus menyokong usaha JPPKK untuk memperjuangkan kelestarian alam sekitar bukan sahaja dalam elemen pengangkutan, air, sisa, penjimatan tenaga, malah juga terkini dalam Inovasi dan penyelidikan.

Secara peribadi saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga atas sokongan yang telah diberikan oleh pengarah-pengarah bahagian JPPKK terutama Tuan haji TKPP sehingga membolehkan PMM beroleh motivasi tinggi mencapai **tangga ke-199 dunia dalam penarafan UI GreenMetric World University Rankings 2025.** Juga akhirnya mencapai banyak anugerah yang berkaitan. Kami

akan bersama JPPKK untuk terus bersama bantu menjuarai jihad kelestarian alam sekitar ini. Besarlah harapan kami agar maksima POLYCC tersenarai dalam pengiktirafan peringkat dunia ini. Suka saya kongsi maklumat bahawa 7 buah POLYCC zon Melaka dan Negeri Sembilan yang telah menyertai ranking dunia ini.

Terima kasih juga atas kepercayaan memilih PMM sebagai tempat peluncuran Hari Bumi JPPKK 2026. Pengiktirafan ini memberikan keinsafan kepada kami untuk terus memperjuangkan kelestarian alam sekitar sebagai satu jihad. Malah jika PMM diberikan kepercayaan untuk menerajui sebahagian perancangan kelestarian alam sekitar, ianya merupakan satu peluang kami berbakti seterusnya amal jariah yang berpanjangan kami ke arah matlamat menjaga bumi Allah ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Tidak ketinggalan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan buat rakan-rakan strategik yang iaitu Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka dan Persatuan Alumni Politeknik Merlimau Melaka selaku penaja atas

sumbangan yang telah diberikan dalam menjayakan program ini.

Kepada semua panel penilai PERKAYA PMM ke -29 terima kasih atas sumbangan khidmat bakti menilai inovasi peserta yang terdiri daripada semua jabatan akademik PMM, juga penyertaan khas POLYCC Negeri Melaka.

Semoga segala usaha kita pada hari ini menjadi pemangkin dalam membudayakan kelestarian bukan sahaja untuk hari ini atau hari esok, tetapi sebagai amanah demi memastikan generasi akan datang mewarisi bumi yang lestari dan sejahtera.

Bumi Hijau jihad semua
Iltizam ke 7 Pebudayaan Kemampanan

Hasrat murni sentiasa diusaha

Kelestarian BUMI terus diutamakan.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wasalamualaikum Warahmahtullahi Wabarakatuh